



POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN

SKVE Holdings Sdn. Bhd. bertekad untuk menjadi sebuah syarikat konsesi pilihan pengguna lebuhraya. Kami berikrar dan komited untuk mematuhi peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Malaysia menuju ke arah pembangunan secara progresif dan berterusan.

Kami berusaha mempertingkatkan prestasi keselamatan dan kesihatan demi manfaat kepada syarikat, kakitangan, kontraktor dan masyarakat.

Oleh yang demikian, pihak SKVE Holdings Sdn Bhd akan:

- ❖ Melaksanakan pengurusan keselamatan dan kesihatan secara sistematik dengan mematuhi undang-undang dan peraturan Keselamatan dan Kesihatan Malaysia.
- ❖ Meminimalkan risiko keselamatan dan kesihatan kepada kakitangan, kontraktor dan pengguna lebuhraya setakat yang mampu.
- ❖ Bertekad untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan bagi menjamin kesejahteraan bersama.
- ❖ Menjalankan program secara berterusan berkaitan keselamatan dan kesihatan untuk meningkatkan kesedaran kakitangan.
- ❖ Mengkaji dari semasa ke semasa polisi dan program-program berkaitan keselamatan dan kesihatan bagi tujuan penambahbaikan.
- ❖ Memastikan dan menjalankan pemantauan mengenai pematuhan peraturan keselamatan dan kesihatan kepada semua pihak yang berkaitan.